



BH AHAD 22 SEPTEMBER 2024

SASTERA PERSPEKTIF

35

Malaysia kekurangan pakar manuskrip

Keahlian dalam bidang filologi, paleografi dan kodikologi sangat terhad

Oleh Hafizah Iszahanid

Kuala Lumpur: Hanya 40 peratus atau 2,000 naskhah daripada keseluruhan koleksi manuskrip Melayu yang disimpan di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dilalui oleh penyelidik tempatan dan luar negara.

Angka ini dianggap sedikit jika dibandingkan dengan keseluruhan koleksi PNM yang mencecah 5,252 naskhah iaitu 2,832 salinan digital dan 1,102 salinan mikrofilm. Ketua Pengarah PNM, Salasih Abdul Wahab berkata, penyelidikan terhadap manuskrip Melayu adalah usaha penting untuk melestarikan warisan budaya dan sejarah bangsa. Namun katanya, PNM menghadapi pelbagai cabaran bagi memastikan kesinambungan penyelidikan ini.

"Penyelidikan manuskrip memerlukan mereka yang mempunyai kepakaran dalam bidang filologi, paleografi dan kodikologi, namun jumlah ahli dalam bidang ini sangat terhad."

"Tambahnya pula, penyelidikan membolehkan dana yang besar dan ini antara kekokangan yang dihadapi untuk menjalankan projek penyelidikan secara berterusan."

"Selain itu manuskrip Melayu ditulis dalam bahasa Melayu lama dengan penggunaan Jawi lama atau Jawi klasik, agak berbeza dengan bahasa Melayu dan Jawi moden."

"Hal ini memberi cabaran kepada penyelidik, terutama yang tidak mempunyai latihan mendalam dalam Melayu klasik atau tulisan Jawi lama," katanya.

LOKALISASI MANUSKRIP
Bagaimanapun begitu, Salasih, PNM pasti menjalankan kolaborasi dengan pelbagai pusat Institut Penyelidikan Perkhidmatan Malaysia (IPRM) untuk melaksanakan projek transliterasi dan penyelidikan.

Katanya, kerjasama antara pusat penyelidikan dan universiti untuk mengukuhkan penyelidikan dan pengalangan manuskrip Melayu juga harus dipertingkatkan dengan penggunaan teknologi seperti digitalisasi

Antara koleksi manuskrip Melayu yang disimpan di Perpustakaan Negara Malaysia.



Naskhah Hikayat Hang Tuah terbitan DIB yang dilancarkan Perdana Menteri-baru-baru ini adalah berdasarkan manuskrip terawal tahun 1758.



dan platform internet untuk memudahkan akses dan penggunaan manuskrip Melayu secara lebih luas dan mudah akses.

Salasih berkata, sejak 1993 hingga kini, PNM konsisten menerbitkan kajian penyelidikan berkaitan manuskrip Melayu melalui penerbitan *Jurnal Filologi Melayu* (JFM). Ia adalah sebahagian usaha berterusan PNM untuk memperbanyakkan kajian penyelidikan manuskrip Melayu.

Lanjutan kesinambungan
Meyerituhkan mengenai usaha oleh pihak seperti Yayasan Karyawan yang membantu dana pengajian bagi ahli filologi. Salasih berkata ia adalah langkah penting yang dapat membantu memajukan kajian manuskrip Melayu dapat dilakukan secara berkesinambungan.

"Bantuan dana ini membolehkan lebih ramai penyelidik dan sarjana muda terbahsi dalam kajian manuskrip."

"Ini bukan sahaja meningkatkan kuantiti penyelidikan yang dijalankan, tetapi juga meningkatkan kualiti kajian apabila penyelidik dapat menggunakan teknologi dan metodologi terkini dalam usaha melaksanakan penyelidikan," katanya.

Salasih berkata, perlu difahami bukan semua

naskhah boleh dikategorikan sebagai manuskrip Melayu.

Sebaliknya, manuskrip Melayu merujuk kepada 'segala bentuk tulisan tangan menggunakan skrip Jawi dalam bahasa rumpun Melayu mengenai alam dan tamadun Melayu yang ditulis dari awal abad ke-16 sehingga awal abad ke-20 atau berusia sekurang-kurangnya 100 tahun'.

Justeru, empat ciri manuskrip Melayu adalah: bertulisan tangan, menggunakan tulisan Jawi, ditulis dalam bahasa Melayu dan dikarang pada akhir abad ke-16 sehingga awal abad ke-20 atau berusia sekurang-kurangnya 100 tahun.

"Karya yang bertatap atau ditulis dalam tulisan Rumi tidak dikategorikan sebagai manuskrip Melayu."

"Namun, jika bahan bertatap atau bertulisan Rumi itu diterbitkan sebelum tahun 1930 dan terbitan habis cetak atau tiada dalam pasaran, maka ia dikategorikan sebagai bahan naskhah," katanya.

Katanya, ketika ini PNM sedang giat mengumpul maklumat tambahan melalui maklumat yang terdapat di dalam dan luar negara.

Ia juga sebenarnya usaha berterusan PNM bagi mengumpul maklumat bibliografi manuskrip Melayu untuk memperluaskan aktiviti rujukan dan penyelidikan sebelum dibekukantasi akan dikumpul dan dimasukkan ke dalam Pangkalan Data Katalog Index Manuskrip Melayu.

Katanya, selain PNM, manuskrip Melayu juga terdapat di agensi lain di seluruh Malaysia iaitu: Arkib Negara Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Pusat Penerangan Islam Sarawak, Jabatan Muzium Sarawak, Lembaga Muzium Negeri Kedah, Lembaga Muzium Negeri Terengganu, Muzium Kuala Terengganu, Muzium Kota Tinggi, Johor, Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, Pustaka Negeri Sarawak, Universiti Sultan Zainal Abidin, Perbadanan Muzium Negeri Pahang, Kutubkhazan Diraja, Kompleks Muzium Diraja Sultan Haji Ahmad Shah, Pahang; Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Muzium Warisan Malaysia, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Muzium Kertanegara Islam.

“Penyelidikan membolehkan dana yang besar dan ini antara kekokangan yang dihadapi untuk menjalankan projek penyelidikan secara berterusan”

Salasih Abdul Wahab

info

Lima jenis pengelasan manuskrip Melayu dalam simpanan PNM

- Manuskrip keagamaan, mengandungi teks agama Islam seperti tafsir al-Qur'an, kitab high, doa-doa, dan syair keagamaan. Ini juga termasuk teks-teks tasawuf atau sufisme yang sangat berpengaruh dalam keusasteraan Melayu lama. Antaranya Kitab Siroh al-Mustaqim karangan Sheikh Nuruddin al-Kaniri.
- Perundangan dan ketenterangan iaitu mencakupi undang-undang

- kerajinan, adat istiadat dan tata kelola kerajaan. Antara manuskrip terkenal dan bernilai adalah *Kitab Kintan Melaka*, *Musa Melayu*, *Taj al-Solihin* dan *Adab Raja-Raja*.
- Sastera klasik misalnya *Hikayat Hang Tuah*, *Cerita Panji* dan *Seri Siti Zubaidah*.
- Peribatan tradisional, iaitu mencakupi lima berkaitan perubahan

- tradisional Melayu, tarian dan kaedah penyembuhan. Antara manuskrip Melayu yang terkenal ialah *Khadz 78*.
- Sejarah klasik iaitu mengenai kisah-kisah kerajaan, pemerintahan, dan hubungan antara pelbagai kerajaan Melayu di Nusantara, yang memberikan gambaran tentang kesinambungan alam Melayu dan peristiwa-peristiwa penting dalam sejarahnya.